

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YB DATO' AR. WAN MOHAMAD KHAIR-IL  
ANUAR BIN WAN AHMAD  
[ KUALA KANGSAR ]

**TARIKH :** 17 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

**SOALAN :**

**YB. Dato' Ar. Wan Mohamad Khair-II Anuar Bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah dasar pembangunan wilayah-wilayah dan koridor-koridor telah menepati sasaran dan memberi sinergi kepada negeri-negeri/wilayah-wilayah terlibat (khususnya NCIA). Nyatakan senarai-senarai utama serta contoh-contoh perlaksanaan dan perancangan pembangunan koridor-koridor ini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan utama penubuhan Wilayah Koridor Ekonomi adalah untuk memastikan pembangunan wilayah yang seimbang dan juga bagi merapatkan jurang pembangunan antara wilayah, negeri serta antara kawasan bandar dan luar bandar. Wilayah-wilayah Ekonomi Koridor, iaitu Iskandar Malaysia (IM), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) dan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) yang telah ditubuhkan adalah hasil daripada penelitian bahawa terdapat wilayah atau kawasan agak ketinggalan dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan. Usaha ini juga diambil bagi mengurangkan jurang pendapatan per kapita dan pendapatan isi rumah, kadar kemiskinan yang tinggi di negeri atau kawasan yang kurang membangun serta jurang dari segi infrastruktur dan kemudahan utiliti dalam kalangan negeri di Semenanjung, serta antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Sehingga kini, Kerajaan telah memperuntukkan kira-kira RM10.8 bilion dari tahun 2008 sehingga 2014 kepada kelima-lima Wilayah Ekonomi Koridor tersebut bagi melaksanakan sebanyak 322 projek, merangkumi antaranya projek-projek infrastruktur, ekonomi, bekalan air, perumahan, pembangunan modal insan dan sebagainya. Kerajaan akan terus melaksanakan program dan projek-projek serta memberi fokus kepada memperkuuh dan memantapkan lagi Wilayah Ekonomi Koridor sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat seterusnya, bagi program-program yang telah dilaksanakan oleh NCIA, dari tahun 2008 sehingga kini ia telah menepati sasaran dan memberi sinergi kepada Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau NCER. Program-program yang dilaksanakan tersebut adalah berpandukan kepada matlamat menyeluruh antaranya adalah untuk mewujudkan persekitaran yang kukuh untuk inovasi, mempelbagaikan ekonomi masa kini dengan memanfaatkan kelompok industri teras, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan meningkatkan penyertaan sektor swasta dan pewujudan ekosistem sokongan.

Pada tahun 2013, pendekatan yang unik dan menyeluruh telah menghasilkan pelaburan sejumlah RM10.7 bilion dan 18,403 peluang pekerjaan di bawah 4 sektor utama iaitu sektor pertanian, pelancongan, pembuatan dan logistik. NCIA juga mencapai 61.7% dalam jumlah penyertaan sektor swasta tempatan, yang jauh melebihi sasaran awal sebanyak 25%. Semua ini telah dicapai walaupun dalam iklim ekonomi global yang mencabar dan belum pulih sepenuhnya.

Penyertaan sektor swasta yang tinggi adalah penting dalam merealisasikan agenda transformasi Koridor Utara menjadi suatu wilayah ekonomi bertaraf dunia menjelang tahun 2025. Sehubungan itu, NCIA telah memulakan perjalanan ke Fasa Kedua Rangka Tindakan Koridor Utara dengan memperluaskan peranan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi Koridor Utara. Antara program/projek yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Pembinaan 4 kilang sarung tangan getah oleh Latexx Partners Berhad di Taman Perindustrian Kamunting yang berharga RM481 juta dan membuka peluang pekerjaan kepada sebanyak 1,500 orang;
- (ii) Pembinaan 6 kilang sarung tangan getah oleh Eco Medi Glove Sdn Bhd di Taman Perindustrian Kamunting Raya yang berharaga RM441 juta dan membuka peluang pekerjaan kepada sebanyak 1,510 orang;
- (iii) Kerjasama dengan Inokom Corporation Sdn Bhd dalam program modal insan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir;
- (iv) Kerjasama dengan Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) untuk menarik lebih banyak penerbangan terus ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi meningkatkan jumlah kemasukan pelancongan perubatan;
- (v) Kerjasama dengan Perak State Park Corporation (PSPC) menaik taraf 3 tapak kem di Taman Negeri Royal Belum;
- (vi) Pembangunan industri akuakultur di bawah Pusat Kecemerlangan Pertanian Bioteknologi (COE Agri Bio);
- (vii) Naik taraf Jeti Pengkalan Aman di Belum-Temengor Tropical Rainforest;
- (viii) Projek kolam ternakan ikan Arowana di Bukit Merah; dan
- (ix) Projek kolam ternakan udang di Selinsing.

Kerajaan akan terus melaksanakan program dan projek-projek serta memberi fokus kepada memperkuuh dan memantapkan lagi NCIA pada tahun-tahun mendatang. Walau bagaimana pun, memandangkan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) masih lagi di peringkat penyediaan, maka adalah terlalu awal untuk menyatakan jumlah peruntukan dan senarai program serta projek-projek yang akan dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.